

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2014 (RABU)

SOALAN :

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai niat untuk menubuhkan satu Suruhanjaya untuk menangani isu-isu keganasan terhadap wanita.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan isu-isu keganasan terhadap wanita yang berlaku di negara ini. Bagi menangani isu-isu keganasan terhadap wanita, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif. Antaranya penggubalan dasar dan perundangan, penyediaan perkhidmatan sokongan serta pelaksanaan program advokasi. Sehubungan itu, Kementerian mengucapkan terima kasih di atas cadangan penubuhan suruhanjaya. Kementerian akan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan satu suruhanjaya menangani isu-isu keganasan terhadap wanita.